



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara  
Bangunan Menara Usahawan  
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (Fax): 603-8880 5646  
Laman Web (Web): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN SIASATAN PASUKAN PETUGAS EAIC MENGENAI SALAH LAKU  
KELULUSAN UNTUK MELEPASKAN KONTENA-KONTENA YANG DIPERCAYAI  
MENGANDUNGI E-WASTE OLEH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)**

**Putrajaya, 6 Januari 2025** — Pada sekitar bulan Mei 2024, Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima maklumat yang menyatakan terdapat kemungkinan salah laku yang dilakukan oleh Pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) kerana telah memberi kebenaran untuk melepaskan kontena-kontena dipercayai mengandungi e-waste yang pada ketika itu berada di Westports, Pelabuhan Klang.

Sehubungan dengan itu, EAIC telah menubuhkan satu Pasukan Petugas selaras dengan seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] untuk menyiasat dakwaan salah laku pelepasan kontena-kontena tersebut. EAIC telah menyelesaikan siasatan mengenai dakwaan salah laku berkenaan.

**HASIL SIASATAN EAIC**

EAIC mendapati kontena-kontena yang dipercayai mengandungi e-waste tersebut masih berada di Westports, Pelabuhan Klang. Hasil siasatan, EAIC mengesahkan terdapat cubaan daripada Pegawai JAS untuk melepaskan kontena-kontena tersebut tanpa punca kuasa yang jelas dan justifikasi yang wajar.

Selanjutnya, daripada hasil siasatan juga EAIC mengesahkan terdapat beberapa ketidakakuratan seperti yang berikut:

- (a) terdapat kebocoran maklumat dalaman berkaitan pertukaran Pengarah / Pegawai dan Pengarah / Pegawai baharu akan melepaskan kontena-kontena tersebut;
- (b) pihak atasan JAS gagal mengambil tindakan berhubung isu kebocoran maklumat ini;
- (c) terdapat kelewatan penyelesaian kertas siasatan oleh JAS berkaitan dengan kontena-kontena tersebut yang juga berpunca daripada kelemahan penyeliaan; dan

- (d) kelewatan yang amat sangat mengenai pengendalian kes berkenaan boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan pencemaran alam sekitar tidak dapat dibendung dan dilindungi dengan segera.

### **PENGESYORAN EAIC**

EAIC memutuskan—

- (a) untuk merujuk syor tindakan tatatertib diambil serta mengenakan hukuman yang sewajarnya terhadap pegawai-pegawai JAS yang terlibat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) Kumpulan Pengurusan Tertinggi melalui YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN);
- (b) untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan Prosedur Tetap Operasi (PTO) JAS dan Arahan Tetap Operasi Penguinkuasaan (ATOP) JAS kepada Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Awam untuk tindakan selanjutnya; dan
- (c) memanjangkan dapatan siasatan dan pengesyoran bersama-sama dengan laporan EAIC kepada YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

### **Dikeluarkan oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguinkuasaan (EAIC)